

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home &gt; Berita Harian &gt; 2 April 1966 &gt; Page 2 &gt; Rumah boleh dapat tapi sewa rumah jadi soal

# Rumah boleh dapat tapi sewa rumah jadi soal

Berita Harian, 2 April 1966, Page 2

Article also available on Microfilm Reel NL4427

★ Add to Citation

&lt; Previous Article

Next Article &gt;

&lt; Previous Page

Next Page &gt;

# Rumah boleh dapat tapi sewa rumah jadi soal

KUALA LUMPUR, Juma'at

**P**EGAWAI Kebajikan Masharakat, Che Fatimah binti Musa, akan menchuba memintakan sa-buah rumah murah di-kawasan Melayu Kampung Pandan daripada Pesuruhjaya Ibu Kota untuk Che Aminah binti Osman, janda yang berusia 36 tahun itu.

Suami-nya, Inche Mat Jedi bin Ahmad, 43, bekerja sa-bagai warder di-Penjara Pudu di-sini, telah meninggal dunia sa-chara tiba2 pada 15 March yang lalu, meninggalkan sembilan orang anak.

## Information

Newspaper:  
Berita HarianDate:  
2 April 1966Reel Number:  
NL4427

Scroll to Top

Share

## Table of Contents

&lt; Previous | Page 2 | Next &gt;

### UMNO Klang pilih tokoh2 baru

UMNO Klang pilih tokoh2 baru Jumaat. UMNO Bahagian Klang di-Jangka memilih sa-orang tokoh

### SOKONG TUN

SOKONG TUN MELAKA, Jumaat —Sharikat Kerjasama Perumahan Tamil Melaka semalam menyatakan ikrar

### Pegawai2 Dewan Bahasa kahwin

Pegawai2 Dewan Bahasa kahwin KUALA LUMPUR, Juma'at. Sa-ramai 3 orang sekali pegawai Dewan

### Dewan Bahasa...

View Full Table of Contents &gt;

## **Masa'alah**

"Masa'alah saya sekarang ia-lah menchari rumah. Saya terpaksa meninggalkan rumah ini dalam dua bulan lagi," kata Che Aminah dengan suara yang sedih sekali.

"Saya tidak sanggup membayar sewa rumah yang mahal", kata-nya.

Bahkan sewa rumah \$35 sa-bulan di-Kampung Pandan itu pun sudah mahal untok Che Aminah.

Rumah yang di-tawarkan oleh Pesuroh-jaya Ibukota untok-nya di-Kampung Pandan itu sewa-nya ia-lah \$35 sa-bulan.

"Mahal sekali. Tak mampu saya menyewa-nya," kata Che Aminah.

Bayaran permulaan ia-lah \$55 untok meter api dan ayer.

## **Tawaran**

"Mana mak chik hendak chari wang," kata Che Aminah.

Dia di-tawarkan juga sa-buah rumah yang lebih murah lagi di-kawasan Lembah Jaya, Bukit Belachan, Ampang.

Tetapi rumah itu terlalu jauh untok anak2-nya bersekolah.

Tiga orang anak Che Aminah bersekolah di-Jalan Pasar. Sa-orang lagi belajar di-Sekolah Menengah Aminuddin

Baki.

Rumah2 di-Lembah Jaya di-bawah pentadbiran Lembaga Kema-juan Negeri Selangor.

Fonohon2 hanya dikenakan bayaran \$20 sa-bulan.

Sa-orang jiran yang sentiasa mengambil berat tentang rumah tangga Che Minah sejak suami-nya meninggal dunia berkata:

"Pihak yang berkua-sa penjara tidak pun



mengusir-nya dari  
berek-nya sekarang.”  
Jabatan Penjara ma-  
seh membenarkan ke-  
luarga itu tinggal di-  
berek tersebut sa-hing-  
ga mendapat sa-buah  
rumah yang lain.

## Pertolongan

Bagaimana pun rek-  
rang, jiran2 yang berham-  
piran sentiasa memberikan  
pertolongan kepada Che  
Minah dan anak2-nya.

“Kami di-sini merupakan  
saudara mara sendiri. Kami  
tidak akan membiarkan me-  
reka terlantar bagitu saja.”  
kata sa-orang jiran ta-  
berek.

Sa-orang Pegawai Pen-  
jara (yang tidak mahu  
nama-nya di-siarkan) ber-  
kata:

“Kami akan memberi  
bantuan sa-kadar timbang  
rasa kemanusiaan kami.”

Menyentuh soal suguhati  
dari Jabatan Penjara, pega-  
wai itu menerangkan bahawa  
pekara tersebut terserah  
kepada Ibu Pejabat Kebaji-  
kan Penjara di-Taipeng.

### Related Articles

No related article found.

